

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 26 JANUARI 2015 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Produk usahawan siswazah	Utusan Malaysia
2	Ceburi industri herba	Utusan Malaysia
3	Bisnes sumber rezeki	Utusan Malaysia
4	Kejayaan FMBioSis	Utusan Malaysia
5	Shahrir: Floods a wake-up call for rural progress	The Star

ISNIN 26.01.15

UTUSAN MALAYSIA  
*Mega*

*Inovasi*

MESIN KUIH  
DONAT »11



Program FMBioSis  
anjuran FRIM-MTDC  
lahir biousahawan

**PRODUK  
USAHAWAN  
SISWAZAH**



## fokus FAKTA

Menerusi program FMBioSis Ciera Eco-Friendly Multi Purpose Disinfectant berjaya dihasilkan iaitu produk yang berkesan terhadap patogen yang lazim dan juga superbugs *Methicillin-resistant Staphylococcus aureus* (MRSA) dan *Vancomycin-intermediate Staphylococcus aureus* (VISA) pada 2008.

**P**ROGRAM pembangunan keusahawanan berasaskan produk penyelidikan bukan perkara baharu dan ramai dalam kalangan mereka menempeka kejayaan. Antara program yang telah mula menampakkan hasil ialah Program Pembangunan Biosahawan Siswazah FRIM-MTDC (FMBioSis) yang merupakan inisiatif Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Program FMBioSis diperkenalkan pada 2008 bagi mencungkil bakat keusahawanan dalam kalangan siswazah yang sedang mengintai peluang mencuburi bidang yang mereka inginkan. Bagi program pertama, sebanyak 10 syarikat terbitan telah diwujudkan dengan asas perniagaan mereka berdasarkan penyelidikan yang pernah dijalankan oleh saintis FRIM. Ini termasuk herba, makanan kesihatan dan penjagaan serta dandan diri.

Dua syarikat yang mula menapak kukuh dalam pengeluaran produk hasil penyelidikan FRIM menerusi program tersebut ialah Nature Profusion Sdn. Bhd. dan Nourish Care Sdn. Bhd.

Nature Profusion dibangunkan oleh Pengarah Eksekutifnya, Wan Sabariah Shuib dan telah enam tahun terlibat menghasilkan produk pembersih serba guna berasaskan tumbuhan dan herba.

Pada dasarnya, usaha beliau tidak sebegitu mudah tetapi berbekalkan prinsip tidak takut gagal dan semangat yang cekal, Wan Sabariah, 30, mampu membina perniagaan tersebut dan menjadikan syarikatnya berdiri teguh sehingga ke hari ini.

Menurut Wan Sabariah, berbekalkan minat mendalam, beliau berusaha gigih dan menjadikan dirinya lebih matang dan berpengetahuan luas dalam bidang yang baru diterokainya itu.

Selain itu, beliau lebih memahami potensi pasaran dengan menghasilkan produk yang mempunyai permintaan,



# Ceburi industri herba

### Wan Sabariah tidak gentar tewas dalam perniagaan

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID  
aqilah.mks@gmail.com



berkualiti dan menarik minat pengguna.

Menjadikan tokoh korporat, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary sebagai idola, beliau mengakui bahawa keberanian melibatkan diri dalam bidang perniagaan bukan sahaja perlu memiliki kesungguhan, kesabaran dan bijak malah kejujuran dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab juga perlu disemai dalam hati.

Malah katanya, menjadi satu cabaran besar untuk menerokai pasaran yang banyak persaingan dengan nama-nama yang gah di pasaran.

Beliau yakin dengan produk keluaran syarikatnya yang membawa konsep pembersihan rumah dan diri ke arah transformasi yang lebih bersih dan selamat.

Dengan sokongan rakan perniagaan dan melalui pembacaan serta kajian mengenai produk yang ada di pasaran, beliau yakin produk pencuci serba guna, Ciera yang berasaskan bahan aktif daripada tumbuhan seperti ekstrak lidah buaya dan teh hijau boleh diterima ramai.

Ini kerana bahan utama yang digunakan itu tidak mempunyai kesan buruk jangka panjang kepada kesihatan manusia atau alam sekitar.

Jelas graduan Universiti Malaysia Terangganu (UMT) itu, pengguna perlu menyedari tahap kebersihan rumah selepas melakukan kerja-kerja tersebut.

Ini kerana, pembersihan rumah menggunakan pencuci konvensional mengandungi risiko akibat penggunaan

bahan kimia yang terkandung di dalamnya.

Sementara itu, menurut Pengarah Teknologinya, Dr. Mastura Mohtar, bahan aktif unik daripada ekstrak lidah buaya dan teh hijau bukan sahaja membersihkan malah mengharumkan serta membasmi 99.9 peratus bakteria kebal dan rentan antibiotik dengan lebih berkesan.

Bahan utama itu juga melindungi seisi keluarga daripada jangkitan kuman.

Justeru, tanpa sumbangan FRIM dalam membekalkan teknologi dan MTDC yang membekalkan dana dalam bentuk geran, mustahil impiannya memiliki syarikat sendiri, tercapai.

Jelasnya, FRIM dan MTDC amat membantu syarikatnya untuk berdiri teguh dalam menyediakan platform yang selesa untuk memulakan perniagaan serta membantu dari segi latihan perniagaan dan promosi produk secara berterusan.

Siapa sangka dalam tempoh sesingkat enam tahun, Nature Profusion Sdn. Bhd berjaya mengembangkan empayar dan berjaya menebusi pasaran tempatan.

Buat masa kini, produk pencuci serbaguna telah berjaya memasuki pasaran tempatan serta mendapat permintaan yang amat menggalakkan.

Malah, beberapa syarikat besar selain FRIM dan Universiti



WAN SABARIAH (kiri) dan Dr. Mastura Mohtar menunjukkan ekstrak lidah buaya sebagai bahan utama produk syarikatnya.



